

# Syarahan Perdana Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah

Artikel oleh: Carolyn Melissa Payus



Pada 17 Mei 2012 di Dewan Resital, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Malaysia Sabah, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah telah menyampaikan Syarahan Perdana yang diadakan dengan tujuan membina budaya wacana akademik dan berkongsi kepakaran. Sesi syarahan perdana siri ke-3 ini adalah dianjurkan bersama Sekolah Sains dan Teknologi dan Jabatan Pendaftar dengan diketuai oleh Pemangku Dekan Sekolah Sains dan Teknologi iaitu Prof. Madya Dr. Baba Musta.

Tajuk syarahan ialah "Air dan Kemandirian Pulau: Menyelami Nadi Alam Yang Tersirat". Seramai lebih daripada 600 orang telah menghadiri syarahan tersebut. Dalam syarahan beliau, ia menyetengahkan isu kepentingan menjaga sumber air semulajadi di kawasan pulau terutamanya pulau bersaiz kecil seperti Pulau Sipadan kerana sumber air bawah tanahnya adalah terhad jika dibandingkan dengan kawasan daratan tanah besar bagi menjaga kelangsungan hidup manusia serta habitat lain di pulau dan juga perairan sekitarnya. Sumber air bawah tanah di kawasan pulau adalah mudah terganggu dan terdedah kepada pencemaran resapan air masin sekiranya ia tidak diuruskan dengan baik. Beliau yang lebih 10 tahun telah mengkaji sumber air bersih dan ekosistem di beberapa pulau di Sabah, mengambil contoh kes pencemaran yang berlaku di Pulau Sipadan ketika mula-mula pulau tersebut dibangunkan. Pada satu ketika pulau ini mempunyai lapan pusat pelancongan atau resort yang telah dibangunkan di situ sehingga menyebabkan sumber air tawar pulau tersebut tercemar akibat larut resap daripada sisa kumbahan yang gagal diuruskan dengan baik. Keadaan pada waktu itu menyebabkan pihak kerajaan pantas bertindak untuk memerintahkan tidak ada aktiviti pembangunan baru dan juga yang lama terutamanya resort-resort perlu diberhentikan serta-merta bagi memastikan ekosistemnya dapat dipulihara. Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah berharap pengajaran yang diperolehi daripada kes Pulau Sipadan tersebut, aspek perundangan serta pewartaan pulau di seluruh negara diperkemas dan inventori pulau hendaklah dijalankan di samping mewujudkan jawatankuasa penyelidikan pulau bagi memastikan khazanah tersebut dapat dilindungi.

